



سوروهنجاي قرساغيغن برونبي دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN MEDIA SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM

Pembaharuan pro-persaingan dalam sektor logistik di Negara Brunei Darussalam boleh membantu usaha mempelbagaikan ekonomi

Tarikh: 15 Februari 2021

1. Undang-undang dan peraturan-peraturan yang menerapkan prinsip pro-persaingan boleh menyumbang kepada melahirkan sektor logistik yang cekap dalam mendukung usaha Negara Brunei Darussalam untuk mempelbagaikan ekonomi bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dalam jangka panjang.
2. Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) dan *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) hari ini telah menganjurkan majlis pelancaran bagi dua laporan mengenai penilaian persaingan dalam sektor logistik Negara Brunei Darussalam. Dua laporan bertajuk, "*Competition Assessment Reviews of Logistics Sector in Brunei Darussalam*" dan "*Competitive Neutrality Reviews of Small Package Delivery Services in Brunei Darussalam*" adalah merupakan hasil kajian pihak OECD sebagai sebahagian daripada Pelan Tindakan Persaingan 2016-2025. Pelan Tindakan berkenaan menyediakan matlamat strategik, inisiatif, dan sasaran bagi memenuhi visi *Blueprint* Komuniti Ekonomi ASEAN 2025, yang berkaitan dengan persaingan. Kajian dibiayai oleh *UK Prosperity Fund* dan mempunyai objektif untuk memupuk persaingan dalam sektor logistik di rantau ASEAN.
3. Majlis pelancaran mengongsikan dan menyebarkan hasil dan cadangan-cadangan penambahbaikan dari laporan-laporan berkenaan bagi mempromosi persekitaran pro-persaingan dalam sektor logistik. Majlis tersebut juga menyediakan platform bagi pihak berkepentingan untuk membincangkan cadangan-cadangan yang telah diusulkan oleh pihak OECD.

4. Majlis pelancaran dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi CCBD, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, di mana beliau mengongsikan bahawa matlamat dasar dan undang-undang persaingan adalah bagi menggalakkan persekitaran perniagaan yang setara (*level playing field*) untuk mencapai hasil ekonomi yang optimum. Penguatkuasaan undang-undang persaingan yang berkesan menghalang amalan anti-persaingan dan membuka peluang perniagaan, menawarkan pilihan barangan dan perkhidmatan pada harga yang kompetitif untuk para pengguna. Walau bagaimanapun, dasar dan undang-undang persaingan tidak dapat berfungsi dengan sendirinya dan perlu dilengkapi dengan dasar yang relevan, serta memerlukan kerjasama pihak pengawalselia sektor.
5. Ucapan seterusnya disampaikan oleh Tuan Yang Terutama John Virgoe, Pesuruhjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam; Antonio Capabianco, Pemangku Ketua Bahagian Persaingan OECD; dan Looi Teck Kheong, Ketua Persaingan, Perlindungan Pengguna & IPR, Sekretariat ASEAN.
6. Majlis pelancaran diikuti dengan sesi ucap tama daripada Yang Mulia Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), di mana beliau mengongsikan mengenai kepentingan persaingan yang berkesan dalam membentuk sebuah sektor logistik yang cekap. Pasaran yang cekap akan memberi ruang kepada pengguna untuk memilih di antara penyedia perkhidmatan atau barangan yang pelbagai; dan memberi insentif kepada peniaga untuk bersaing, meningkatkan inovasi dan produktiviti. Walaupun sektor logistik merangkumi 1.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2019, sektor logistik tetap memainkan peranan penting dalam mencapai hasrat bagi mempelbagaikan dan membangunkan ekonomi melalui memudahkan perdagangan antarabangsa dan meningkatkan *connectivity*.
7. Turut dikongsikan bahawa Pelan Strategik MTIC 2025 dengan visi "*Connected Smart Nation*" memberi fokus kepada teknologi dan *connectivity* selaku pemangkin pertumbuhan melalui meningkatkan daya saing dan mengembangkan infrastruktur, inovasi, data, dan sumber tenaga manusia. Dua matlamat strategik utama adalah berkaitan dengan logistik dan persaingan iaitu strategi bagi memastikan kedayatahan sektor pengangkutan dan infokomunikasi, serta rangka kerja dasar

dan peraturan yang kondusif bagi mendukung persekitaran pelaburan dan perniagaan yang kompetitif. MTIC juga telah melaksanakan inisiatif dalam membentuk *Brunei Logistics and Transshipment Task Force* (BLTTF) pada tahun 2020 untuk memudahcara penglibatan dan interaksi di antara pihak Kerajaan dan pihak berkepentingan ke arah meningkatkan ekosistem logistik. Beliau menyambut baik inisiatif ASEAN dan CCBD dalam memupuk persaingan di sektor logistik di bawah Pelan Tindakan Persaingan ASEAN.

8. Laporan *Competition Assessment* mereviu 63 undang-undang dan peraturan-peraturan relevan yang boleh menghadkan persaingan dalam sektor logistik dengan fokus antaranya, diberi kepada pengangkutan barangan, pengiriman barangan, dan perkhidmatan pengiriman pakej kecil. Laporan *Competitive Neutrality* menilai 6 undang-undang dan peraturan-peraturan relevan yang berkaitan dengan *State-Owned Enterprises* (SOEs) dan aplikasi *competitive neutrality* terhadap perkhidmatan pengiriman pakej kecil.
9. Kedua laporan berkenaan telah menghasilkan keseluruhan 66 cadangan penambahbaikan untuk membantu pembaharuan bagi mempromosi sektor logistik yang kompetitif, yang mana merupakan komponen penting dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi melalui meningkatkan daya saing, pelaburan dan produktiviti, demi mencapai salah satu hasrat Wawasan Brunei 2035, iaitu matlamat ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Perincian hasil dan cadangan laporan telah disampaikan oleh para pakar dan penganalisa persaingan dari OECD.
10. Salinan dua laporan bertajuk "*Competition Assessment Reviews of Logistics Sector in Brunei Darussalam*" dan "*Competitive Neutrality Reviews of Small Package Delivery Services in Brunei Darussalam*" kemudian diserahkan oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, Pengerusi CCBD kepada Yang Mulia Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, Setiausaha Tetap, MTIC.
11. Pada sesi penutup majlis pelancaran, Alexander Boehmer, Ketua Bahagian Asia Selatan dan Tenggara, Perhubungan Global OECD menekankan kepentingan majlis pelancaran dalam memberigakan prinsip persaingan di rantau ASEAN dan mempromosi rangkaian global. Beliau turut menegaskan mengenai rundingan dengan komuniti perniagaan adalah penting dalam membentuk sesuatu dasar.

12. Majlis pelancaran diadakan di Dewan Teater, bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dalam format *hybrid* bagi membolehkan penyertaan secara fizikal dan atas talian. Penyertaan domestik secara fizikal disertai oleh ahli-ahli CCBD, pegawai-pegawai dari pengawalselia sektor dan agensi-agensi Kerajaan. Manakala, penyertaan secara atas talian disertai oleh autoriti-autoriti persaingan dari ahli-ahli Negara ASEAN, perwakilan dari Sekretariat ASEAN, dan pihak OECD dari Paris, Perancis. Lebih dari 40 orang menyertai majlis pelancaran laporan *Competition Assessment Reviews* dan *Competitive Neutrality Reviews* bagi sektor logistik Brunei Darussalam.

*Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam
Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi*

Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam pada 1 Ogos 2017 sebagai sebuah badan bebas yang dimandatkan untuk mempromosi persaingan perniagaan di pasaran ekonomi Brunei Darussalam melalui penguatkuasaan Perintah Persaingan 2015.

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi Suruhanjaya Persaingan seperti pemberigaan, menerima aduan, mengkaji pasaran dan menjalankan siasatan.



سوروهنجاي قرساغيغن برونبي دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE COMPETITION COMMISSION BRUNEI DARUSSALAM

Pro-competition reforms in Brunei Darussalam's logistics sector can help economic diversification

Date: 15 February 2021

1. Pro-competition laws and regulations can contribute to an efficient functioning of logistics sector in Brunei Darussalam in supporting the country's efforts to diversify the economy towards a sustainable economic growth in the long-run.
2. The Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD) and the Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) today launch two reports on competition assessment of the logistics sector in Brunei Darussalam. The two reports namely, "*Competition Assessment Reviews of Logistics Sector in Brunei Darussalam*" and "*Competitive Neutrality Reviews of Small Package Delivery Services in Brunei Darussalam*" are the outcome of an independent study by the OECD as part of the ASEAN Competition Action Plan 2016-2025. The Action Plan provides strategic goals, initiatives and outcomes to fulfil the competition-related vision of the ASEAN Economic Community (AEC) Blueprint 2025. The study which is funded by the UK Prosperity Fund, aims to foster competition in the logistics sector in the ASEAN region.
3. The launching shared and highlighted the findings and recommendations of the reports in order to promote a pro-competition environment in the logistics sector. It also provides a platform for relevant stakeholders to engage and discuss the recommendations provided by the OECD in the reports.
4. The launching was opened by the Chair of the CCBD, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, where she highlighted that the aim of competition policy and

law is to promote a level playing field for business players to deliver optimal economic outcomes. The effective enforcement of competition law deters harmful anti-competitive practices and opens doors for more business opportunities and better choices of goods and services at more competitive pricing for consumers. However, competition policy and law cannot work in isolation and must be complemented by other related policies. Hence, this will require complementary efforts from the sector regulators' part.

5. Remarks were also delivered by His Excellency Mr John Virgoe, the British High Commissioner in Brunei Darussalam; Mr Antonio Capabianco, Acting Head of the OECD Competition Division; and Mr Looi Teck Kheong, Head of Competition, Consumer Protection & IPR of the ASEAN Secretariat.
6. The highlight of the launching was a keynote address by Yang Mulia Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, Permanent Secretary at the Ministry of Transport and Infocommunications (MTIC). In his keynote message, he underscored the importance of effective competition in developing an efficient logistics sector. When markets function well, consumers can choose between different providers of goods or services, and firms are incentivised to compete, innovate more, and be more productive. Despite the relatively small share of 1.7 % of logistics in the country's Gross Domestic Product (GDP) in 2019, the logistics sector nonetheless plays a vital part in achieving economic development and diversification by enabling international trade and enhancing connectivity.
7. It was shared that MTIC Strategic Plan 2025 has a vision of "Connected Smart Nation" where technology and connectivity are to be the catalyst to growth through improved competitiveness by developing infrastructure, innovation, data capability, human capital and other resources. Two of the key Strategic Objectives are directly linked to logistics as well as competition. The strategies are on Ensuring Sustainability of Transport and Infocommunications Sector, and Policy and Regulatory Framework conducive to Investment and Businesses to ensure healthy competition. MTIC has also undertaken the initiative to form the Brunei Logistics and Transshipment Task Force (BLTTF) in 2020 to further facilitate active engagement and interaction between government and businesses to improve the logistics and value chain eco-system. He

applauded the initiative of ASEAN and the CCBD in fostering competition in the logistics sector under the ASEAN Competition Action Plan.

8. The Report on Competition Assessment reviewed 63 relevant laws and regulations that can limit competition in the logistics sector with a focus on, including freight transportation, freight forwarding, and small-package delivery services. The Report on Competitive Neutrality assessed 6 relevant laws and regulations related to the impact of State-Owned Enterprises (SOEs) and the application of competitive neutrality on Small-Package Delivery Services.
9. A total of 66 recommendations from the two reports are provided to support reforms to develop a competitive logistics sector, which is a fundamental building block in the efforts to diversify the country's economy by increasing competitiveness, investments and productivity, towards achieving the goal of a dynamic and sustainable economy as inspired under the Wawasan Brunei 2035. The details of the findings and the non-binding recommendations of the reports were presented by the competition experts and analysts from the OECD.
10. The two reports on "*Competition Assessment Reviews of Logistics Sector in Brunei Darussalam*" and "*Competitive Neutrality Reviews of Small Package Delivery Services in Brunei Darussalam*" were handover by Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, Chair of the CCBD to Yang Mulia Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, the Permanent Secretary at the MTIC.
11. In the closing, Mr Alexander Boehmer, Head of South and Southeast Asia Division, OECD Global Relations highlighted the importance of the event in advocating for competition principles in the ASEAN region and fostering global value chain. He further emphasized that close consultation with business community is crucial in formulating policies.
12. The launching was held in the Theatre Hall, Ministry of Finance and Economy building, in a hybrid setting to allow participation of both physical and virtual audience. Physical participation from domestic audience consisted of commission members of the CCBD, officials from sector regulator and government agencies. Meanwhile, competition authorities from the ASEAN Member States, representatives from the ASEAN

Secretariat, and the OECD team based in Paris, France, all participated in the event virtually. A total of more than 40 officials participated in the hybrid launching of the reports on Competition Assessment Reviews and Competitive Neutrality Reviews on logistics sector in Brunei Darussalam.

*Executive Secretariat of Competition Commission Brunei Darussalam
Department of Competition and Consumer Affairs
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy*

Competition Commission Brunei Darussalam (CCBD)

By the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD) was established on 1 August 2017 as an independent body that is mandated to promote business competition in Brunei's economic landscape through the enforcement of the Competition Order, 2015.

The Department of the Competition and Consumer Affairs in the Department of Economic Planning and Statistics, Ministry of Finance and Economy being the Executive Secretariat to the CCBD is responsible in carrying out Commission's functions such as advocacy, receiving complaints, reviewing markets and conducting investigations.